



KEMENTERIAN EKONOMI

POLISI ANTIRASUAH

KEMENTERIAN EKONOMI

POLISI ANTIRASUAH

KEMENTERIAN EKONOMI





PERUTUSAN

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN EKONOMI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniadanizin-NyaKementerianEkonomiberjaya membangunkan Polisi Antirasuah Kementerian Ekonomi. Kementerian Ekonomi komited untuk memastikan penerapan standard etika, integriti dan akauntabiliti adalah pada tahap yang tinggi dalam semua penyampaian perkhidmatan Kementerian.

Kementerian tidak akan bertoleransi terhadap sebarang bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan yang berlaku di kalangan warga Kementerian Ekonomi. Hasrat ini bagi mendokong pencapaian sasaran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di tangga ke-25 teratas dunia dalam tempoh 10 tahun yang ditetapkan sebagai penanda aras ke-enam Ekonomi Madani serta Kajian Separuh Penggal RMKe-12: Memperkukuh Kemampanan Dan Tatakelola.

Oleh yang demikian, Polisi Antirasuah ini dibangunkan sebagai panduan bagi warga Kementerian Ekonomi untuk menangani isu berkaitan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan di samping menerangkan secara terperinci kesalahan rasuah serta mekanisme pelaporan rasuah.

Harapan saya agar semua warga Kementerian Ekonomi mempunyai toleransi sifar terhadap rasuah (*zero tolerance towards corruption*) dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, di samping menjadi *role model* dalam memerangi jenayah perlakuan rasuah.

Sekian, terima kasih.

DATO' NOR AZMIE BIN DIRON
25 SEPTEMBER 2024



Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Baqarah: 188)

Diterbitkan oleh :

Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
Laman Sesawang: www.ekonomi.gov.my

Dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 PUTRAJAYA
Laman Sesawang: www.dosm.gov.my

Hak Cipta Terpelihara

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Ekonomi, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	2
2. TAFSIRAN	2
3. TUJUAN	7
4. PEMAKAIAN POLISI	7
5. PERNYATAAN POLISI	8
6. JENIS-JENIS KESALAHAN RASUAH DAN HUKUMAN	12
7. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA	17
8. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KEMENTERIAN EKONOMI	19
9. PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI	21
10. PERLINDUNGAN MAKLUMAT DAN PEMBERI MAKLUMAT	22
11. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH	23
12. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH	26
13. PEMATUHAN POLISI	26
14. PERTANYAAN ATAU PELAPORAN	26
15. TARIKH KUAT KUASA	27
16. PENUTUP	27
17. RUJUKAN	28

“

Integrity, transparency and the fight against corruption have to be part of the culture. They have to be taught as fundamental values.

Angel Gurría
OECD Secretary General

”

1. PENDAHULUAN

Polisi Antirasuah Kementerian Ekonomi (selepas ini dirujuk sebagai “Polisi”) dibangunkan sebagai satu daripada usaha bagi memerangi sebarang perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam kalangan warga Kementerian Ekonomi. Polisi ini turut bertujuan untuk memastikan tatakelola yang baik, penerapan budaya antirasuah dan pengamalan nilai integriti yang tinggi dalam kalangan warga Kementerian Ekonomi.

2. TAFSIRAN

Bagi maksud Polisi ini, tafsiran seperti berikut adalah terpakai:

2.1 Hadiah atau Sumbangan

Hadiah atau Sumbangan merujuk kepada tafsiran “hadiah atau sumbangan” mengikut Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Versi 1.0 (2022), Ceraian UP.7.2.5 Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah, Keraian Dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam, ia bermaksud apa-apa perkara berbentuk zahir atau selainnya, termasuk:

- 2.1.1 harta alih seperti wang tunai, mata wang kripto, syer, saham, tiket loteri, debentur, bon atau sekuriti lain, peralatan dan kelengkapan, kenderaan, barang kemas, perabot, hamper, perhiasan, cenderamata atau harta intelek;
- 2.1.2 harta tak alih seperti tanah, tempat kediaman atau bangunan; atau

- 2.1.3 keistimewaan (*privilege*) atau perkhidmatan seperti pakej percutian, keahlian kelab, hiburan, aktiviti sukan dan riadah, diskaun, rebat, komisen, lesen, penyelenggaraan rumah atau baik pulih kenderaan.

2.2 Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] membawa maksud memberikan atau menawarkan, menerima atau meminta atau bersetuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung bagi dirinya sendiri atau mana-mana orang lain sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

2.3 Saudara

Saudara merujuk kepada tafsiran “saudara” di bawah Seksyen 3 Akta 694 berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- 2.3.1 isteri atau suami orang itu;
- 2.3.2 adik atau abang atau kakak orang itu;
- 2.3.3 adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- 2.3.4 orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- 2.3.5 orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;

- 2.3.6 orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 2.3.2;
- 2.3.7 bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- 2.3.8 menantu orang itu.

2.4 Sekutu

Sekutu merujuk kepada tafsiran “sekutu” di bawah Seksyen 3 Akta 694 berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- 2.4.1 mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- 2.4.2 mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- 2.4.3 mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- 2.4.4 mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau

syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau

- 2.4.5 pemegang amanah mana-mana amanah, jika:
- a. amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - b. nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

2.5 Suapan

Suapan merujuk kepada tafsiran “suapan” di bawah Seksyen 3 Akta 694, ertinya:

- 2.5.1 wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- 2.5.2 apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- 2.5.3 apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi

atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;

- 2.5.4 apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- 2.5.5 apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- 2.5.6 apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- 2.5.7 apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan 2.5.1 hingga 2.5.6.

2.6 Warga Kementerian Ekonomi

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Kementerian Ekonomi sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan, termasuk lantikan politik.

3. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan sebagai sumber rujukan dan panduan mengenai perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, mekanisme pelaporan serta pencegahan rasuah.



4. PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini terpakai kepada semua warga Kementerian Ekonomi dan boleh dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan dan mana-mana individu atau organisasi ketika berurusan dengan warga Kementerian Ekonomi.

Agensi-agensi di bawah Kementerian Ekonomi juga boleh menerima pakai Polisi ini, pemakaian Polisi ini tertakluk kepada agensi masing-masing.

5. PERNYATAAN POLISI

- 5.1 Kementerian Ekonomi menyasarkan toleransi sifar terhadap rasuah (*zero tolerance towards corruption*) dalam menyedia dan memberi perkhidmatannya. Justeru, Kementerian Ekonomi komited untuk:
- 5.1.1 memastikan segala urusan berhubung dengan tujuan dan konteks Kementerian dilaksanakan secara berintegriti, berakauntabiliti dan telus;
 - 5.1.2 mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa;
 - 5.1.3 memastikan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan berdasarkan Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan* - OACP) melalui Jawatankuasa Tatakelola (JTK);
 - 5.1.4 menggalakkan warga Kementerian dan pihak berkepentingan melaporkan sebarang perlakuan rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
 - 5.1.5 mengambil tindakan tatatertib atau undang-undang terhadap warga Kementerian atau pihak berkepentingan yang gagal mematuhi Polisi ini atau peraturan atau undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

5.2 Bagi merealisasikan sasaran toleransi sifar terhadap rasuah, Kementerian Ekonomi memberikan penekanan kepada Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional melalui empat terma rujukan seperti berikut:

5.2.1 Reformasi Institusi, Dasar dan Undang-undang

Mengenal pasti, mengkaji, memperkemas serta memperakui pindaan-pindaan yang diperlukan ke atas dasar, undang-undang dan peraturan Kementerian Ekonomi yang mempunyai kelemahan dan/atau memerlukan penambahbaikan tatakelola, termasuk pengukuhan institusi.

5.2.2 Sistem dan Prosedur Kerja

- a. Mengenal pasti dan mengkaji apa-apa kelemahan serta memperakui perubahan terhadap sistem dan prosedur kerja sesuatu aktiviti di Kementerian Ekonomi melalui penilaian risiko yang dilaksanakan secara berkala. Ini bertujuan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan organisasi; dan
- b. Perakuan yang dibuat hendaklah dapat mencegah serta menutup ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

5.2.3 Pemantauan dan Penilaian

- a. Memantau dan menganalisis laporan-laporan berkaitan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan/atau peraturan bagi tujuan pengukuhan kawalan dalaman;
- b. Menilai keupayaan dan keberkesanan pelaksanaan suatu undang-undang dan peraturan, kaedah kawalan dalaman serta kaedah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan; dan
- c. Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola ke peringkat yang lebih tinggi berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan.

5.2.4 Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik

- a. Mengkaji dan menilai keberkesanan mekanismetatakeloladanpembudayaan nilai baik dalam perkhidmatan awam;
- b. Mengemukakan syor penambahbaikan tatakelola baik yang merangkumi pengurusan organisasi dan pembangunan insan bagi menjadikan amalan nilai baik sebagai budaya kerja perkhidmatan awam; dan
- c. Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan latihan dan komunikasi strategik bagi mempromosi usaha-usaha Kerajaan berhubung pemantapan tatakelola perkhidmatan awam.

“

*People's indifference is the best
breeding ground for corruption to
grow*

Delia Ferreira
Chair Of Transparency International

”



6. JENIS-JENIS KESALAHAN RASUAH DAN HUKUMAN

6.1 Kesalahan Menerima Suapan Di Bawah Seksyen 16 Akta 694

- 6.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta** atau **menerima** atau **bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau
- 6.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberikan, menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.



6.2 Kesalahan Memberi Atau Menerima Suapan Oleh Ejen Di Bawah Seksyen 17 Akta 694

- 6.2.1 Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetuju terima** atau **memperoleh** daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

6.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan** atau **bersetuju untuk memberikan** atau **menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

6.3 Kesalahan Membuat Tuntutan Palsu Di Bawah Seksyen 18 Akta 694

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akaun atau dokumen lain** yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi **apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

6.4 Kesalahan Menyogok Pegawai Badan Awam Di Bawah Seksyen 21 Akta 694

Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau, sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, **meminta** atau **menerima**, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

6.5 Kesalahan Menggunakan Jawatan Atau Kedudukan Untuk Suapan Di Bawah Seksyen 23 Akta 694

Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan** atau **kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

6.6 Hukuman Di Bawah Seksyen 24 Akta 694

6.6.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- a. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan**
- b. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.**

6.6.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- a. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan**
- b. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.**

6.7 Kewajipan Melaporkan Transaksi Penyogokan Di Bawah Seksyen 25 Akta 694

- 6.7.1 Mana-mana orang yang **diberi, dijanjikan** atau **ditawarkan** suapan hendaklah **melaporkan** pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.
- 6.7.2 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
- a. **didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit;** atau
 - b. **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi sepuluh tahun** atau **kedua-duanya**.
- 6.7.3 Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah **diminta** atau **diperoleh**, atau **suatu cubaan dibuat** untuk memperoleh suapan itu, hendaklah **melaporkan** permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar, dan jika diketahui, nama orang yang meminta atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya itu kepada pegawai SPRM.



ANTI CORRUPTION

6.7.4 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- a. **didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit**; atau
- b. **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua tahun** atau **kedua-duanya**.

6.8 Kesalahan Menerima Barangan Berharga Dengan Tiada Balasan Di Bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan [Akta 574]

Mana-mana pegawai awam yang **menerima** atau **memperoleh** atau **setuju untuk menerima** atau **cuba memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui telah, atau sedang, atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu, atau berkaitan dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawahnya seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara** selama tempoh **tidak melebihi dua tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali**.

6.9 Kesalahan Memalsukan Dokumen Di Bawah Seksyen 465 Akta 574

Mana-mana orang yang **melakukan pemalsuan** hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara** selama tempoh **tidak melebihi dua tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali**.

7. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA

Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

7.1 Kesalahan Ditetapkan Di Bawah Seksyen 3 Akta 694

- 7.1.1 Mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta 694;
- 7.1.2 Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];
- 7.1.3 Kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*];
- 7.1.4 Sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan 7.1.1 hingga 7.1.3; atau
- 7.1.5 Sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah itu ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan 7.1.1 hingga 7.1.3, sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.



7.2 Kesalahan Oleh Organisasi Komersial Di Bawah Seksyen 17A(1) Akta 694

Seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah dirinya atau bagi faedah orang lain dengan niat:

- 7.2.1 untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- 7.2.2 bagi memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

7.3 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

7.4 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Versi 1.0 (2022), iaitu, Ceraian UP.7.4.3 Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti.



8. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KEMENTERIAN EKONOMI

Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga Kementerian Ekonomi hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

8.1 Dilarang Meminta atau Menerima

Warga Kementerian Ekonomi **dilarang meminta** atau **menerima** apa-apa bentuk suapan;

8.2 Menolak

Warga Kementerian Ekonomi hendaklah **menolak** apa-apa tawaran atau pemberian rasuah;

8.3 Melapor

8.3.1 Warga Kementerian Ekonomi hendaklah dengan **segera melaporkan** apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Setiausaha atau Unit Integriti, Kementerian Ekonomi atau SPRM. Warga Kementerian Ekonomi boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W + 1H) seperti berikut:

- a. Bila kejadian berlaku (*when*);
- b. Di mana kesalahan dilakukan (*where*);
- c. Siapa yang terlibat dan yang boleh membantu sebagai saksi (*who*);
- d. Apa kesalahan yang dilakukan (*what*);
- e. Kenapa kesalahan dilakukan (*why*);
- f. Bagaimana transaksi dilakukan (*how*); dan
- g. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada).

8.3.2 Laporan boleh dibuat mengikut kaedah seperti berikut:

- a. Menghadirkan diri ke Unit Integriti, Kementerian Ekonomi di alamat:

Aras 2, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 W.P Putrajaya

- b. Menelefon di talian 03-80902488/2504

- c. Menghantar e-mel di alamat aduan.
integriti@ekonomi.gov.my

- d. Mengimbas Kod QR:



9. PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

9.1 OACP Unit Perancang Ekonomi (kini, dikenali sebagai Kementerian Ekonomi) 2021-2025 telah dibangunkan berdasarkan Penilaian Risiko Rasuah (*Corruption Risk Assessment*) bagi mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan operasi dan imej Kementerian Ekonomi. Risiko yang dihadapi oleh Kementerian Ekonomi yang melibatkan bidang tadbir urus merangkumi perkara berikut:

9.1.1 Tahap pematuhan kepada sistem dan prosedur;

9.1.2 Kebocoran maklumat;

9.1.3 Tekanan dan campur tangan daripada pihak luar; dan

9.1.4 Kelemahan sistem dan prosedur kerja.

9.2 Sebanyak 29 pelan tindakan telah dikenal pasti di bawah tiga bidang utama seperti berikut:

9.2.1 Perancangan Projek Pembangunan;

9.2.2 Kawal Selia dan Tadbir Urus Agensi; dan

9.2.3 Khidmat Pengurusan.

Pelaksanaan pelan tindakan ini adalah dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Bajet Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Bahagian Penyelarasan, Kawalan dan Pemantauan serta Unit Integriti.



10. PERLINDUNGAN MAKLUMAT DAN PEMBERI MAKLUMAT

Sebarang aduan berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh seseorang pegawai SPRM dan pegawai di sub unit Pengurusan Aduan, Unit Integriti adalah rahsia. **Maklumat** dalam aduan dan **identiti pemberi maklumat** hendaklah menjadi **rahsia** antara pegawai SPRM dan pegawai di sub unit Pengurusan Aduan, Unit Integriti dengan pemberi maklumat, dan tidak boleh didedahkan atau diperintahkan, atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain di bawah Seksyen 65 Akta 694.

(Sila rujuk Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kementerian Ekonomi)



11. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

11.1 Warga Kementerian Ekonomi dilarang menerima atau memberi hadiah jika melibatkan tugas rasminya selaras dengan subperaturan 8(1) P.U(A) 395/1993 seperti berikut:

" 8. (1) Tertakluk kepada peruntukan peraturan ini, seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, daripada atau kepada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan tugas rasminya."

- 11.2 Sekiranya, dalam keadaan penerimaan hadiah semasa menjalankan tugas rasmi sukar ditolak, warga Kementerian Ekonomi hendaklah mengemukakan laporan bertulis kepada Ketua Jabatan sebagaimana subperaturan 8(4) P.U(A) 395/1993 dan Ketua Jabatan di bawah subperaturan 8(5) P.U(A) 395/1993 membenarkan penerimaan hadiah itu atau mengembalikan hadiah tersebut kepada pemberinya. Penerimaan hadiah dalam keadaan sukar ditolak ini hanya dibenarkan dalam situasi yang digambarkan seperti berikut:
- 11.2.1 penganjur memberikan hadiah atau cenderamata kepada pegawai secara spontan semasa menghadiri atau melaksanakan tugas rasmi seperti menghadiri majlis perasmian atau lawatan kerja di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah atau kampung;
 - 11.2.2 pemimpin masyarakat atau penduduk setempat memberikan buah-buahan, sayur-sayuran, bunga, makanan, hasil kerja tangan penduduk dan seumpamanya sebagai penghargaan kepada pegawai;
 - 11.2.3 pemberian hadiah oleh rombongan delegasi luar negara sebagai tanda penghargaan kepada pegawai; dan
 - 11.2.4 menerima hadiah semasa memenuhi jemputan atas kapasiti jawatan yang disandang.
- 11.3 Warga Kementerian Ekonomi hendaklah memastikan sebarang penerimaan hadiah yang tidak melibatkan tugas rasmi tidak akan bercanggah dengan Peraturan 4 P.U(A) 395/1993.

“

Kerana tekad kita bukan sahaja mencintai negara, tapi mengangkat martabat negara dan kita dalam kalangan yang yakin bahawa sekiranya tahap ini dapat kita tingkatkan, kerja kita diperbaiki, bersihkan negara daripada amalan jijik rasuah dan penyelewengan dan kemalasan

Anwar Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

16 Ogos 2024

”



12. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

Pengiktirafan dalam bentuk **sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat** di peringkat Persekutuan atau Negeri atau **ganjaran** boleh diberikan kepada warga Kementerian Ekonomi yang melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011 berkaitan Pengiktirafan Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah.

13. PEMATUHAN POLISI

Polisi ini hendaklah dipatuhi oleh semua warga Kementerian Ekonomi.

14. PERTANYAAN ATAU PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini, boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Unit Integriti
Kementerian Ekonomi
Aras 2, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 W.P Putrajaya

No. Tel : 03-80902488/2504

E-mel : integriti@ekonomi.gov.my

15. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Antirasuah Kementerian Ekonomi berkuat kuasa mulai tarikh Polisi ini dikeluarkan.

16. PENUTUP

Polisi Antirasuah ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Ekonomi untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip tatakelola, integriti dan antirasuah. Secara langsung, pematuhan kepada Polisi ini dapat menjadikan Kementerian Ekonomi satu daripada agensi dalam Perkhidmatan Awam yang menerapkan prinsip toleransi sifar terhadap rasuah.



17. RUJUKAN

- 17.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*];
- 17.2 Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional;
- 17.3 Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- 17.4 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Versi 1.0 (2022), iaitu, Ceraian UP.7.2.5 Pengurusan Penerimaan Atau Pemberian Hadiah, Keraian Dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam;
- 17.5 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Versi 1.0 (2022), iaitu, Ceraian UP.7.4.3 Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti.
- 17.6 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023;
- 17.7 Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Unit Perancang Ekonomi (kini, dikenali sebagai Kementerian Ekonomi) 2021-2025;
- 17.8 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A) 395/1993*]; dan
- 17.9 Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara: Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011.

PENGHARGAAN

Kementerian Ekonomi merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dokumen Polisi Antirasuah Kementerian Ekonomi, khususnya kepada:



YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron

Ketua Setiausaha

YBhg. Datuk Dr. Zunika binti Mohamed

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

YBhg. Datuk Dr. Yatimah binti Sarjiman

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral)

YBhg. Dato' Luqman bin Ahmad

Timbalan Ketua Setiausaha (Makro)

Bahagian Perancangan Strategik

Pejabat Penasihat Undang-undang

PASUKAN SEKRETARIAT

KETUA

Puan Zuridah binti Mamat

AHLI-AHLI

Encik Joehan Clay Agong

Puan Che Zanariah binti Che Pa

Puan Nor Syawani binti Razali

Cik Wan Nor Anis Najwa bin Wan Zalmi

Cik Norliyana binti Rosli

Encik Luqman Hakim bin Shamsudin

Puan Nurain binti Shamsuddin

JAWATANKUASA EDITORIAL

Puan Ruhana binti Mohammad Zam

Puan Siti Zaleha binti Mohd Fathillah

Puan Salina binti Ariffin

Encik Aimaduddin bin Kamaludin

Puan Noorawati binti A. Rahim

AKRONIM

CPI	Indeks Persepsi Rasuah
JTK	Jawatankuasa Tatakelola
KSP	Kajian Separuh Penggal
NACP	Pelan Antirasuah Nasional
OACP	Pelan Antirasuah Organisasi
RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UI	Unit Integriti

ISBN 978-967-5842-49-8



9 789675 842498